



# INTEGRITY INFO

CAWANGAN INTEGRITI, IBU PEJABAT

NOVEMBER 2015



**Allayarham Dato' Shaharudin Ibrahim, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Malaysia (Perkastaman)**

## Biodata Dato' Shaharudin Ibrahim

- ♦ Berasal dari Rantau, Negeri Sembilan dan memulakan kerjaya sebagai Peguasa Kastam di Pahang
- ♦ Memiliki pengalaman luas dalam bidang pengurusan, perkastaman dan cukai dalam negeri.

## Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Terima Anugerah Khas Integriti 2015

Kuala Lumpur, 5 November 2015 :

Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Allahyarham Dato' Shaharudin Ibrahim dinamakan sebagai penerima Anugerah Khas Integriti 2015 oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Penganugerahan itu diumumkan pada program Bicara Integriti Nasional 2015 dan dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Senator Datuk Paul Low Seng Kuan di Kuala Lumpur.

Anugerah tersebut telah diterima oleh Datin Rahimah Ibrahim, isteri kepada Dato' Shaharudin. Beliau menyatakan bahawa, Allahyarham adalah seorang yang tegas, berprinsip, sentiasa berani menegakkan kebenaran dan mengutamakan integriti dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Beliau juga bersyukur dengan pengiktirafan yang dilihat dapat menyuntik semangat kepada anak-anak serta penjawat awam lain dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan integriti.



**Datin Rahimah Ibrahim menerima Anugerah Khas Integriti daripada Institut Integriti Malaysia (IIM)**

# Program Naziran Pemeriksaan & Pematuhan Integriti JKDM Pengkalan Hulu



Pengkalan Hulu, 27 Oktober 2015 :

Unit Pemeriksaan & Pematuhan Integriti Cawangan Integriti, Ibu Pejabat telah menjalankan satu naziran di Bahagian Pengurusan dan juga Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pengkalan Hulu, Perak.

Tujuan Naziran dijalankan adalah untuk memantau tugas-tugas yang dijalankan oleh kumpulan sasar supaya menepati objektif Jabatan dan memastikan kumpulan sasar yang diaudit telah menjalankan tugas yang telah diamanahkan mengikut perintah kerja yang ditetapkan.

Naziran telah diketuai oleh Puan Shamsiah bt Abd Samad, Penolong Kanan Pengarah Kastam II (PKPK II) dan naziran ini meliputi Naziran Kehadiran, Naziran Pemeriksaan Wang Saku dan juga Naziran Perolehan Perkhidmatan.



# Program Naziran Pemeriksaan & Pematuhan Integriti JKDM Teluk Intan

Teluk Intan, 12 Oktober 2015 :

Unit Pemeriksaan & Pematuhan Integriti Cawangan Integriti, Ibu Pejabat telah menjalankan satu naziran di Bahagian Pengurusan dan juga Bahagian Penguatkuasaan JKDM Teluk Intan, Perak.

Tujuan Naziran dijalankan adalah untuk memantau tugas-tugas yang dijalankan oleh kumpulan sasar supaya menepati objektif Jabatan dan memastikan kumpulan sasar yang diaudit telah menjalankan tugas yang telah diamanahkan mengikut perintah kerja yang ditetapkan.

Naziran telah diketuai oleh Puan Shamsiah bt Abd Samad, Penolong Kanan Pengarah Kastam II (PKPK II) dan naziran ini meliputi Naziran Kehadiran, Naziran Pemeriksaan Wang Saku, dan Naziran Perolehan Perkhidmatan yang meliputi Keselamatan Kawasan Penyimpanan Eksibit, Bilik Penyimpanan Senjata Api Jabatan dan Kerosakan Bangunan yang Tidak Dibaiki.



# Program Pengukuhan Integriti Zon Tengah

Bangi, 30 September 2015 :

Unit Pengukuhan Integriti Cawangan Integriti, Ibu Pejabat telah menganjurkan Program Pengukuhan Integriti Zon Tengah pada 28-30 September 2015 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Program ini bertujuan untuk memupuk nilai-nilai integriti di kalangan peserta di samping mengeratkan hubungan antara sesama peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai JKDM dari negeri Selangor, KLIA, dan juga WPKL.

Majlis penutup program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) YBhg. Dato Abdul Rahman Bin Othman



Para peserta Kursus Pengukuhan Integriti (Zon Tengah) bersama Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), Dato' Abdul Rahman Bin Othman, Pengarah Kastam Negeri Selangor, Dato' Badaruddin Bin Mohamed Rafik, Pengarah Kastam Negeri WPKL, Dato' Abd. Ghani Bin Othman, Pengarah Kastam KLIA, Dato' Hj. Chik Omar Bin Chik Lim dan Timbalan Pengarah Cawangan Integriti, Tn Hj. Razim Bin Mohd Noor.



# Program Pengukuhan

## Integriti Zon Sabah/Labuan



Kota Kinabalu, 8 Oktober 2015 :

Unit Pengukuhan Integriti Cawangan Integriti, Ibu Pejabat telah mengadakan Program Pengukuhan Integriti Zon Sabah & Labuan pada 6-8 Oktober 2015 di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Program ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada JKDM Sabah, JKDM Labuan dan juga ahli-ahli AKRAB JKDM. Sama seperti program-program Pengukuhan Integriti yang dijalankan sebelum ini, tujuan program ini menjurus kepada pemantapan dan kesedaran integriti di kalangan peserta.

Peserta yang hadir di dalam program ini telah di dedahkan dengan aktiviti-aktiviti kerohanian, motivasi, dan juga *team building* antara sesama peserta.

Majlis penutup program ini dirasmikan oleh Pengarah Kastam Negeri Sabah, YBhg. Dato Dr. Janatan Bin Binbang dan dihadiri juga oleh Pengarah Kastam WP Labuan, Tn. Hj. Wasimin Bin Daiman. Turut hadir adalah Pengarah JAKIM Sabah, Tn. Hj. Mad Radhi.



# Majlis Perpisahan Pegawai-Pegawai Cawangan Integriti

Putrajaya, 2 Oktober 2015 :


Satu majlis perpisahan pegawai-pegawai Cawangan Integriti, Ibu Pejabat telah berlangsung pada awal Oktober yang lalu. Pegawai tersebut adalah pegawai kader dari JAKIM, Ustaz Mohamad Kori Bin Jusoh dan juga Tuan Yusri Bin Abd Jalil, Penolong Kanan Pengarah Kastam II yang masing-masing sebelum ini mengetuai Unit Pengukuhan Integriti dan juga Unit Tatatertib, Cawangan Integriti Ibu Pejabat. Ustaz Mohamad Kori yang telah bersama Cawangan Integriti lebih kurang setahun telah berpindah ke Bahagian Dakwah di JAKIM manakala Tuan Yusri yang telah bersama Cawangan Integriti selama 3 tahun pula telah berpindah ke Cawangan Khidmat Pengurusan, KPSM Ibu Pejabat.

Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia, YBhg. Dato' Sri Khazali Bin Haji Ahmad yang sempat meluangkan masa bersama para pegawai yang akan berpindah.

Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada Ustaz Mohamad Kori dan juga Tuan



# PELAN INTEGRITI JABATAN 2015-2019



## OBEJKTIF PELEN INTEGRITI JABATAN 2015-2019

- ⇒ Memantapkan integriti Jabatan melalui sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus terbaik.
- ⇒ Memperkuuhkan asas moral dan membudayakan integriti sebagai amalan bagi setiap warga kerja dan pelanggan Jabatan

Pada bulan Februari 2015 yang lalu, Pelan Integriti Jabatan (PIJ) 2015-2019 telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Dato' Sri Khazali Bin Hj. Ahmad di Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pelan ini adalah kesinambungan daripada Pelan Integriti Jabatan 2010-2014 dan terdapat penambahbaikan di dalam pelan yang baharu ini.

Pelan ini mengandungi empat (4) strategi yang perlu direalisasikan. Antaranya adalah seperti berikut :-

- ♦ mempertingkatkan tadbir urus ke arah pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- ♦ memantapkan imej korporat dan sistem komunikasi Jabatan
- ♦ Memantapkan pengurusan sumber manusia.
- ♦ Memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa serta memantapkan pentadbiran sistem keadilan.

Dengan adanya strategi-strategi ini, diharapkan ianya dapat direalisasikan dengan baik dan berkesan terutamanya di dalam memartabatkan imej Jabatan di samping meningkatkan kutipan hasil Kerajaan yang pada hakikatnya hasil tersebut akan dipulangkan semula kepada rakyat bersesuaian dengan Slogan Jabatan iaitu “Berkhidmat Menyejahterakan Rakyat”.

**STATISTIK ADUAN  
AWAM  
OKTOBER**

<b>BILANGAN MENGIKUT SALURAN YANG DITERIMA</b>	
<b>SALURAN</b>	<b>BILANGAN</b>
SISTEM E-ADUAN	214
EMEL	26
HADIR	0
SURAT/MEMO	2
TELEFON	0
SAMPUL KECIL	1
BORANG MAKLUMBALAS/ADUAN	0
<b>JUMLAH</b>	<b>243</b>

<b>BILANGAN MENGIKUT KATEGORI</b>	
<b>BAHAGIAN</b>	<b>BILANGAN</b>
UNIT ADUAN HQ	33
UNIT ADUAN NEGERI	46
GST	162
PENGUATKUASAAN	2
<b>JUMLAH</b>	<b>243</b>

<b>BILANGAN MENGIKUT BAHAGIAN</b>	
<b>KATEGORI</b>	<b>BILANGAN</b>
ADUAN AWAM	212
PERTANYAAN	3
MAKLUMAT	28
<b>JUMLAH</b>	<b>243</b>

**STATISTIK  
TATATERTIB  
SEHINGGA OKTOBER**

<b>KESALAHAN / HUKUMAN</b>	<b>BIL.</b>
<b>Jenis Kesalahan:</b>	
Tidak hadir bertugas	27
Rasuah / Salahguna kuasa	14
Penyalahgunaan Dadah	3
Kegiatan politik	-
Tidak Mengikut Prosedur Kastam	-
Tatakelakuan	30
<b>Jumlah kes</b>	<b>74</b>
<b>Keputusan Lembaga Tatatertib:</b>	
Bersalah	64
Bebas	6
Tahan Kerja / Gantung Kerja	4
<b>Hukuman:</b>	
Amaran	18
Denda	2
Lucut Hak Emolumen	8
Tangguh Pergerakan Gaji	9
Turun Gaji	8
Turun Pangkat	1
Buang Kerja	16
<b>Surcaj :</b>	
Surcaj	13
Surcaj+Amaran	2
<b>Mahkamah</b>	
Dilepas Dan Dibebaskan	1
Dilepas Tanpa Dibebaskan (DNAA)	21